

MENGENALI TEROMBA PERKAHWINAN DALAM WARISAN PERADABAN MELAYU

Mohd Rosli Bin Saludin
Tapak warisan ulu Gachong
Negeri sembilan

Mohd Nasir Bin Saludin
Universiti Geomatika Malaysia

Fazurah binti Mustaffa
Fakulti sains sosial
Universiti Melaka (UNIMEL), Malaysia

Corresponding Author's Email: dmohdroslisaludin@gmail.com

Article history:

Received : 1 Oktober 2022

Accepted : 10 November 2022

Published : 31 December 2022

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai mengenali teromba perkahwinan dalam warisan peradaban Melayu. Objektif kajian ini ialah menjelaskan kepelbagaian puisi yang terdapat dalam teromba perkahwinan Negeri Sembilan, merungkai peranan teromba perkahwinan dalam kehidupan masyarakat di Negeri Sembilan khususnya dalam masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih dan membongkar nilai yang terdapat di dalamnya. Teksdealisme ialah teori yang digunakan yang mengandungi prinsip kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme. Dapatan kajian menunjukkan bahawa teromba ini sangat penting dalam peradaban kerana peradaban ini banyak mengajar dan membentuk nilai, adab, budi dan sopan dalam masyarakat tersebut. Tegasnya teromba dalam adat perkahwinan tersebut menjadikan ia adalah suatu warisan peradaban Melayu yang hebat dan tiada diamalkan dalam masyarakat lain di dunia ini. Kajian ini penting kepada orang Melayu dan juga yang mengamalkan Adat Perpatih supaya ia tidak tenggelam di telan zaman dan sebaiknya diperkasakan lagi.

Kata Kunci: Teromba Perkahwinan, Peradaban Melayu

ACCUSTOMING THE WEDDING TEROMBA IN THE MALAY CULTURE

ABSTRACT

This study recognises the wedding teromba in the Malay culture. The objective of this study is to explain various poetry found in Negeri Sembilan wedding teromba, to elaborate the role of the wedding teromba practised by the community in Negeri Sembilan, especially those who practice Adat Perpatih (Matrilineal Custom) and to uncover its values. Textdealism theory is the theory used in this study, pioneered by Abdul

Rahman Hanafiah which contains the principles of existence, collision, strengthening and individualism. The findings of the study showed that teromba is very important in a culture because culture teaches and shapes values, behaviours, manners and politeness in the society. Therefore, teromba in wedding traditions has created a great Malay culture which is not practiced by other communities in the world. This study is important to the Malays and the people who practice Adat Perpatih so that it does not weaken over time and should be strengthened.

Keywords: Wedding Teromba, Malay Culture

PENGENALAN

Adat adalah tingkah laku seperti yang dikemukakan oleh Van Apeldoorn, adalah sesuatu yang sangat diperhatikan oleh masyarakat. Kaedah-kaedah atau aturan adat merupakan amalan adat yang diturunkan dari satu generasi kepada generasi lain melalui peribahasa, pepatah, petiti, pantun, teromba dan sebagainya. Tidak ada anggota masyarakat adat yang menolak aturan-aturan adat secara mentah-mentah. Jika seseorang menyimpang dari adat yang sudah lazim, dia dianggap sebagai orang yang tidak tahu adat. Orang Minangkabau sangat terhina, begitu juga dengan orang di Negeri Sembilan merasa sangat terhina bila dituduh sebegitu malah perasaannya lebih berat dari dituduh sebagai orang yang tidak beragama (Soewardi Idris, 2004: 3).

Masyarakat Negeri Sembilan taat dan patuh kepada ajaran adat. Nenek moyang mereka menciptakan adat supaya masyarakat dapat hidup teratur. Kesemua aspek kehidupan diatur oleh adat. Oleh kerana itu dalam pepatah adat perpatih ada menyebut “hidup dikandung adat”. Hal ini merupakan penegasan dari pentingnya adat dalam kehidupan masyarakat. Ada empat empat jenis adat yang telah dipakai oleh masyarakat adat Perpatih iaitu adat nan sebenar adat, adat nan diadatkan, adat nan teradat dan adat istiadat (Liew Yock Fang, 1993: 179). Keempat-empat adat ini juga terpakai Minangkabau dalam Luhak nan Tiga laras nan Dua (Ibrahim Dt. Sangguno Dirajo, 2003: 65).

FUNGSI ADAT DALAM MASYARAKAT

Adat dalam masyarakat dahulu berfungsi sebagai undang-undang seumpama kanun peralihan dalam mewujudkan keperibadian ketatasusilaan masyarakat bagi bangsa dan nusa dan ia lebih tertakluk kepada undang-undang alam yang mengalami perubahan. Dari segi etimologi, perkataan adat itu berasal daripada bahasa Arab ‘*adah*’ yang bererti kebiasaan atau suatu perbuatan yang dilakukan secara berulang-ulang lalu menjadi suatu kebiasaan yang tetap dan dihormati orang, maka kebiasaan itu lambat laun menjadi adat (Sidi Gazalba, 1967: 296).

Adat juga berfungsi sebagai sebuah peraturan yang lazim dipakai semenjak dahulu kala hingga berzaman-zaman. Adat itu merupakan cara atau sistem yang sudah menjadi kebiasaan, diamalkan oleh sesuatu masyarakat manusia, ia merupakan juga hukum-hakam dan perlembagaan sebagai pegangan atau panduan masyarakat itu. Pantang larang dan suruh arah yang tradisional termasuk dalam adat (Muhammad Ariff Ahmad, 1993: 1).

Proses penciptaan adat yang berlaku dalam masyarakat Melayu, kebiasaannya yang diamalkan oleh orang Melayu akhirnya berkembang menjadi suatu adat. Di samping kebiasaan, proses penciptaan adat dalam masyarakat Melayu berkaitan pula dengan tanggapan dan pemikiran orang Melayu. Daripada tanggapan dan pemikiran itu, lahirlah adat yang dikaitkan pula dengan kepercayaan di sebalik peraturan adat yang tersebut. Tegasnya, peraturan adat ini menggambarkan ajaran dan amalan yang dianggap oleh anggota-anggota masyarakat sederhana tentang manusia dan dunia yang didiaminya (Abdullah Sidik, 1975:3).

Adat dalam masyarakat terdahulu juga adalah peraturan hidup sehari-hari. Sebagai peraturan hidup, dengan sendirinya adat mengikat orang perseorangan dan masyarakat untuk tunduk dan mematuhi. Kalau tidak demikian, adat itu sendiri hanya akan menjadi semboyan di bibir yang tidak punya erti dan fungsi apa-apa. Adat Perpatih sebagaimana yang dibanggakan dan dipuja tidak ada ertinya bila anak-anak buahnya sendiri tidak merasa terikat untuk mematuhi kepimpinanya. Namun demikian, adat itu sendiri sebagai suatu aturan hidup tidaklah bersifat kaku, bahkan sebahagian daripada ketentuan adat itu mempunyai daya lentur yang sangat tinggi.

Adat berbujur sintak
Syarak berbujur mati

(Omar Udin, Juasseh, Negeri Sembilan, 20 Mac 2001)

Berbujur sintak ertinya ikatan adat merupakan sesuatu ikatan yang dapat dibuka untuk menerima perkembangan baru sesuai dengan pertimbangan alur dan patut menurut logik adat Perpatih. Manakala syarak bersifat tetap dan tidak boleh diubah dan ia sentiasa sesuai sepanjang zaman. Sebaliknya dapat pula diperketat terhadap sesuatu aturan adat yang mulai longgar sesuai seperti teromba :

Nan buruk dibuang dengan etongan
Nan elok dipakai dengan muafakat.

Masyarakat adat perpatih mengamalkan konsep hidup bermasyarakat yang berlandaskan kepada Adat Perpatih itu sendiri demi menjaga keharmonian hidup masyarakatnya. Kehebatan masyarakat Adat Perpatih ini ialah kerana nilai-nilai murni yang diamalkan, di antaranya ialah muafakat, musyawarah, budi dan benar. Apa yang dipentingkan ialah tindakan bersama yang melibatkan keseluruhan masyarakat. Tidak ada ciri-ciri individualistik diamalkan dan ciri mementingkan diri sendiri adalah paling di benci. Orang tua- tua ada mengatakan :

Ibu adat muafakat, Baba adat benar,
Kalau ke laut menuju alur,
Kalau ke darat menuju benar,
Ke laut jangan bergelombang,
Ke darat jangan bergempa bumi.

Paling penting yang telah diamalkan adalah bermuafakat dalam segala tindakan. Tindakan yang dilakukan adalah berdasarkan kebenaran bukannya sebarang sahaja. Jika muafakat diikuti, benar dipakai, tidak bergelombang dan bergempa bumi, maka seluruh masyarakat tidak akan dapat digugat sampai bila-bila (Mohd Rosli Saludin: 2011). Nilai-nilai muafakat, musyawarah dan benar itu begitu kuat diasaskan oleh orang-orang di Negeri Sembilan dan nilai-nilai itu sendiri banyak diterapkan oleh pemimpin-pemimpin yang terdahulu menyebabkan masyarakat Adat perpatih di Negeri Sembilan punya nilai ketamadunan yang tinggi dan ketamadunan yang tinggi itu datangnya daripada Minangkabau dan disesuaikan dengan kehebatan tamadun yang sedia ada di Negeri Sembilan itu sendiri.

Teromba bermaksud seni komunikasi warisan yang lahir daripada budaya masyarakat Melayu yang menetap di Negeri Sembilan dan berpegang kepada Adat Perpatih. Masyarakat Negeri Sembilan cenderung menyampaikan sesuatu maksud secara tidak langsung. Dalam masyarakat Melayu negeri lain ada juga diamalkan tapi mereka tidak perasan itu adalah teromba. Dalam teromba termasuklah adat, nilai aturan undang- undang, hukum dan pegangan keagamaan yang diamalkan oleh masyarakat berkenaan. Teromba juga dikenali dalam bentuk puisi bebas yang mana tidak ditentukan jumlah baris, rangkap, rima atau jumlah perkataan dalam sesuatu baris.

Dalam teromba kebiasaannya diselitkan dengan puisi tertentu iaitu pantun, peribahasa, terasul, gurindam, syair, ungkapan dan sebagainya. Kandungan teromba mengandungi hal –hal yang berkaitan

dengan undang-undang, adat istiadat dan nilai-nilai yang diamalkan oleh masyarakat berkenaan. Menurut Mohd Taib Osman, teromba ialah pengucapan adat yang menerangkan perbilangan Adat Perpatih dan menerangkan perbilangan adat dasar (Mohd Taib Osman, 1975: 136). Harun Mat Piah pula menerangkan bahawa teromba yang mengandungi konotasi adat yang digunakan sebagai panduan dan amalan terutama Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang sehingga kini masih digunakan di Minangkabau dan beberapa daerah di Negeri Sembilan dan Melaka (Harun Mat Piah, 1989: 424).

Dalam teromba juga ada dinyatakan bahawa peraturan yang dibuat oleh adat tidak akan menyusahkan sesiapa pun. Malah hukum adat adalah untuk memperlihatkan ketinggian nilai yang terdapat pada anggota masyarakat. Teromba juga merupakan satu bentuk puisi tradisi yang juga dekat dengan kehidupan masyarakat Melayu lama. Teromba juga sejak dahulu lagi digunakan dalam percakapan harian terutama dalam kalangan mereka yang mengutamakan keindahan bahasa dan kehalusan budi. Ia bukan sekadar bunga bahasa tetapi sebagai melambangkan mitos, nilai, dan cara hidup masyarakat yang mengamalkannya.

Jika dilihat dari sudut peranannya, ternyata terlalu banyak peranan teromba yang disisipkan dalam kehidupan masyarakat Melayu terutama yang mengamalkan Adat Perpatih. Peranan teromba bukan sahaja dapat dilihat dalam adat istiadat, malah seluruh kehidupan masyarakat Melayu tersebut pasti tersisipnya teromba. Antara penggunaan teromba dalam kehidupan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan ialah dalam adat istiadat ketika meminang, dalam perkahwinan, tanah adat, berkadim dan sebagainya. Peranan teromba juga dapat mendidik masyarakat melakukan perkara yang baik dan mengelakkan masyarakat daripada melakukan perkara yang dilarang.

PENGGUNAAN TEROMBA DALAM ADAT PERKAHWINAN MELAYU

1) ADAT MERISIK

Sudah menjadi kelaziman yang ibu bapa dalam masyarakat adat perpatih berusaha sedaya upaya dan penuh teliti mencari seorang calon yang sesuai untuk dijadikan menantu. Usaha mencari ini dipanggil sebagai merisik. Merisik merupakan satu proses sebelum melakukan peminangan. Sebelum berkunjung ke rumah si dara, ibu bapa biasanya memilih beberapa orang saudara yang terdekat untuk menjadi wakil. Hal ini kerana, pada kebiasaannya pihak lelaki yang akan merisik pihak perempuan bersesuaian dengan teromba adat:

Untung anak lelaki cari-carikan,
Untung anak perempuan nanti-nantikan.

Walau bagaimanapun tidak menjadi kesalahan sekiranya, wakil perempuan yang memulakan proses ini. Adat sendiri telah membayangkan kemungkinan akan berlaku perkara tersebut melalui kata-kata adat iaitu *yang perempuan diiras-iraskan*. Maksudnya keluarga perempuan berhak menonjolkan anak gadis mereka agar dipinang orang. Biasanya, wanita yang dipilih adalah perempuan yang sudah mencapai umur yang matang dan pandai berkata-kata. Lantaran ini proses ini penting dalam proses mencari calon dan jodoh yang sesuai. Pada zaman tradisi proses ini telah dijalankan sejak anak dara mula masuk umur remaja, seperti kata-kata teromba di bawah:

Kecil sudahlah besar
Terpegang pula parang
punting, Terlalu pula rumput
sehelai;
Maka kena pula hutang mak
bapak; Yang lelaki disemendakan
ke orang,
Yang perempuan disemendakan oleh
orang; Yang perempuan diiras-iraskan,

Yang lelaki digurau-guraukan.

Setelah bertemu calon yang sesuai, wakil merisik akan membayangkan seperti kata-kata di atas yang perempuan diiras-iraskan, yang lelaki digurau-guraukan. Pada peringkat ini biasanya keluarga perempuan tidak menyedari keadaan sebenar. Mereka hanya diguraukan sahaja dengan calon yang sesuai bagi anak gadisnya. Semuanya dilakukan secara tidak sengaja dan tidak ketara.

Proses merisik ini sekiranya diamati adalah suatu proses penyiasatan secara sembunyi tetapi teliti. Keseluruhan proses ini adalah mengikut peraturan adat yang berbunyi:

Kalau hendak meminang anaknya,
pinang dahulu ibu bapanya;
Rimbun pokok tempat berlindung,
tinggi banir tempat berteduh.

Maksud peraturan adat di atas adalah, wakil pihak lelaki perlulah mengambil hati ibu bapa si dara dahulu sebelum bertanyakan tentang anak mereka. Hal ini kerana, anak dara mereka adalah di bawah jagaan ibu bapa sepenuhnya.

2) ADAT MEMINANG

Adat meminang adalah satu adat susulan setelah Adat merisik dilakukan. Kebiasaannya adat meminang dilakukan setelah ibubapa si lelaki bersetuju untuk menjadikan gadis yang dirisik bakal menantunya. Meminang adalah membawa *tepak sirih* yang lengkap diisi dengan alatnya seperti daun sirih yang telah dipilih dari daun yang elok, kapur, gambir, bunga cengkih dan pinang yang telah dikacip untuk dipersembahkan kepada keluarga si gadis.

Daun sirih biasanya dipilih atau dipetik di waktu pagi sebelum kering embun di waktu pagi. Perbuatan mengambil sirih di waktu pagi adalah komunikasi bukan lisan yang mempunyai pengertian bahawa embun lambang sejahtera dan ubat pengikat kasih sayang di antara kedua pemuda dan gadis itu. Daun sirih yang dipilih hendaklah tidak bertemu urat yang juga menjadi simbol komunikasi bukan lisan yang memberikan pengertian bahawa sesuatu percubaan menggunakan kuasa sihir tidak akan menjadi jika ia dimakan atau disimpan. Buah pinang merupakan ramuan penting dalam 'sirih pinang' iaitu dikacip dan diletakkan bersama-sama sirih, gambir, bunga cengkih dan kapur dalam tepak sirih.

Oleh kerana buah pinang yang digunakan dalam peminangan adalah sebagai simbol komunikasi bukan lisan yang bermaksud teruna dan dara saling perlu memerlukan dalam perkongsian hidup mereka. Sirih pinang memberi erti bahawa mereka yang ingin memakan sirih perlu ada pinangnya dan kedua-duanya tidak dapat dipisahkan dan begitu juga dengan ramuan-ramuan yang lain seperti gambir, bunga cengkih, kapur dan lain-lain. Kebiasaannya dalam adat meminang, telah diberitahu rombongan wakil pihak lelaki akan datang pada tarikh yang telah ditetapkan, tetapi ada juga kedatangan pihak lelaki sengaja tidak diberitahu dengan alasan untuk menguji sambutan pihak perempuan.

Pihak keluarga perempuan kebiasaannya dapat memahami kedatangan rombongan itu dengan adanya tepak sirih yang dibawa oleh wakil pihak lelaki. Ketika rombongan pihak lelaki tiba, tuan rumah mempersilakan para tetamu naik ke rumah. Mengikut cara masyarakat Melayu di zaman lampau, para tetamu dipersilakan duduk di atas tikar mengkuang bersama-sama dengan tuan rumah. Tetamu lelaki duduk bersila dan tetamu perempuan duduk bertimpuh. Duduk bertimpuh adalah melipatkan kedua belah kaki tindih menindih di sebelah kiri. Perbuatan bertimpuh menunjukkan perempuan itu bertertib dan bersopan santun yang mencirikan adat-adat ketimuran. Jika dilihat melalui mata kasar, seseorang yang duduk bersopan memperlihatkan keperibadiannya sebagai komunikasi bukan lisan. Pertemuan ini dimulakan dengan pengucapan salam dan selamat datang daripada tuan rumah. Pihak wakil lelaki akan menyambut salam dan memulakan interaksi pertama seperti kata-kata berikut:

Kedatangan kami

Umpama umur belun setahun jagung
Darah belun setampok pinang
Kok siang belun malam
Ibarat menyingkap daun mengambil buah
Umpir kulit tengok isinyo
Bak kato orang
Bilo sudah beranak
Kok jantan disorahkan
mengaji Kok betino
disorahkan menjahit
Sombong pado omak
Banggo pada ayahnyo
Jadi rasonya,
Bungo ditaman yang dicari
Sudah jumpo,
Elok dan molek rasonyo
Kalau belun dipotik kumbang lain.

Dalam kajian ini pengucapan kata ini tidak mengikut loghat Negeri Sembilan yang seratus peratus asli. Setelah pengucapan kata-kata itu berakhir, wakil pihak lelaki akan menolak tepak sirih ke depan. Tuan rumah hanya memandang sahaja tepak sirih tetapi tidak menyentuhnya lagi. Wakil daripada pihak perempuan menyambut kata-kata daripada pihak lelaki itu seperti berikut:

Anak kami belun pandai apo-
apo, Momasak nasi jadi kanji,
Monenggek air montah melese,
Mengaji koran bolun khatam
Tapi kalu sudi apo nak buek
Kato pepatah
Biar “dipandang anak
Pandanglah menantu” .

Meminang adalah sebagai menghantar tanda dengan menyarungkan cincin tanda ke jari manis gadis sekaligus menunjukkan kesediaan gadis itu menerima lamaran pemuda itu. Namun syarat yang lebih lengkap, selepas meminang disusuli dengan majlis pertunangan rasmi. Meminang dengan pertunangan amat berbeza dari segi takrifan dan pelaksanaannya. Meminang hanya sekadar bertanya iaitu sebagai ‘membuka mulut’. Istilah ‘membuka mulut’ adalah komunikasi lisan yang bermaksud bertanya sesuatu kepada kedua orang tua gadis itu sama ada anaknya setuju ditunangkan.

Cincin tanda sebagai adat ‘membuka mulut’ adalah komunikasi bukan lisan yang memberi makna pengertian bahawa si gadis bersetuju ditunangkan. Walau bagaimanapun sebelum mendapat keputusan dan persetujuan, si gadis akan ditanya oleh kedua ibu bapanya secara komunikasi lisan dan disertai dengan cincin tanda yang dibawa oleh wakil lelaki itu bersama-sama di dalam tepak sirih. Kebiasaannya ketika si gadis ditanya oleh kedua ibu bapanya ia akan membisu. Perbuatan membisu adalah komunikasi bukan lisan yang bermaksud bahawa si gadis setuju ditunangkan, ianya juga menggambarkan kesopanan tingkahlaku gadis itu. Jika cincin tanda itu diambil oleh gadis, ini bermaksud ia bersetuju untuk ditunangkan. Perbuatan si gadis mengambil cincin tanda itu adalah komunikasi bukan lisan yang bermaksud si gadis bersetuju ditunangkan dan sekaligus menjadi bakal isteri pemuda itu.

3. ADAT BERTUNANG

Adat pertunangan dilakukan setelah adat meminang selesai setelah kedua belah pihak iaitu pihak lelaki dan perempuan sudah setuju anak-anak mereka ditunangkan. Adat pertunangan adalah tahap ketiga dalam adat perkahwinan. Peringkat ini ada satu tahap menentukan tarikh melangsungkan perkahwinan dan juga dalam tempoh pertunangan itu hingga hari perkahwinan. Tempoh pertunangan biasanya mengikut kehendak kedua belah pihak untuk membuat persediaan hari perkahwinan.

Selain itu, tempoh pertunangan ini juga merupakan satu tempoh pertunangan ini juga merupakan satu tempoh pemerhatian dan percubaan si gadis. Ketika tempoh itu si gadis hendaklah menjaga diri yakni tidak boleh keluar rumah sesuka hati. Si gadis juga ketika tempoh pertunangan ini hendaklah belajar menjadi seorang bakal isteri iaitu harus pandai memasak, menjahit dan lain-lain. Istilah bertunang adalah komunikasi lisan yang bermaksud seseorang gadis dan seseorang teruna berada dalam tempoh percubaan untuk menempuh gerbang perkahwinan.

Mengikut kepercayaan Masyarakat Melayu seseorang yang berada dalam tempoh pertunangan darahnya manis. Istilah ‘darah manis’ adalah komunikasi lisan yang bermaksud seseorang sedang dalam pertunangan hendaklah menjaga dirinya kerana ketika itu senang mendapat malapetaka. Si gadis dan si lelaki tidak boleh berjalan sendirian. Pengucapan bahasa bagi mereka dalam tempoh pertunangan yang sering digunakan oleh masyarakat Melayu untuk menasihati si gadis dan si lelaki adalah seperti “*kamu sekarang darah manis jangan buat tak tentu hala*”.

Hantaran yang dibawa itu kebiasaannya didahului oleh tepak sirih dan sirih junjung yang melambangkan sebagai kepala adat iaitu ibu peraturan dalam adat istiadat pertunangan. Sirih junjung adalah sirih yang disusun begitu rapi yang menampakkan satu gubahan yang menarik. Tepak sirih sebagai satu simbol komunikasi bukan lisan yang memberikan pengertian bahawa si gadis dan si lelaki ditunangkan diatas nama adat “*adat diisi, lembaga dituang*” iaitu ketentuan tentang pelaksanaan kehidupan masyarakat dengan mengerjakan sesuatu kebaikan menurut kebiasaannya nenek moyang turun temurun iaitu perkahwinan yang berlandaskan “*adat lama pusaka usang*”.

Apabila rombongan pihak lelaki sampai, mereka dipersilakan naik dengan penuh cara beradat. Rombongan pihak lelaki disambut oleh ibu bapa gadis itu dan juga wakil yang mengurus kedua pihak lelaki dan perempuan salam bersalaman. Ketika salam bersalaman itu, pihak si perempuan memulakan pengucapan seperti:

“berjenjang naik, bertangga
turun” yang baik kita sama-sama
turutkan yang jahat sama-sama
jauhi
“jika panjang minta
dikerat jika pendek minta
diulas”.

Walau bagaimanapun perbincangan itu seharusnya diteruskan untuk mendapat persetujuan daripada kedua belah pihak sebagaimana Pepatah-Petitih perbilang adat “Biar bertakik di mulut, jangan bertakik di hati”. Pepatah-Petitih ini bermaksud jika kedua belah pihak lelaki dan perempuan ketika membincangkan sesuatu perkara yang membabitkan perjanjian seperti adat pertunangan hendaklah dibuat dengan penuh teliti. Jika salah satu pihak tidak bersetuju dengan perbincangan dan perjanjian yang dibuat ia hendaklah mengemukakan bantahan ketika itu juga tetapi bukan selepas majlis itu berjalan. Kata-kata wakil pihak perempuan:

Katang-katang berisi manik
Manik diisi dengan hampah padi
Semua yang datang silolah naik
Ketemu tuan rumah yang baik
budi.

Kato orang:
“Asam gunung garam dilaut
bertemu dibelanga”
tetapi jalan pulak
“Api padam puntung berasap”
kok jadi jangan pulak “bergantung sehasta tali”
yang mati tetap mati
tapi jangan sebelum bercerai mati.

Maksud kata-kata di atas adalah pihak perempuan menjemput pihak lelaki untuk naik ke rumah. Jodoh adalah sesuatu yang tidak terjangka kerana boleh bertemu tidak kira di mana dan siapa. Mereka berharap perkahwinan yang bakal berlangsung tidak akan ada masalah yang timbul seperti gantung tidak bertali atau bercerai hidup. Berikut adalah pengucapan kata-kata kiasan yang menjadi komunikasi lisan antara wakil pihak perempuan sebagai satu perjanjian adat pertunangan:

Cincin pengikat satu bontuk
Seiyo sekato
Jika tak sekato dibalikkan
Jika sekato
Janji dibuek dimuliokan
Sampai janji ditepati
Helah sijantan losap tando
Helah sibetino digando tando
Pihak kami mintak mengikat tunang
setahun, Supayo si jantan banyakkan duit
Supayo sibetino bersiap diri
Sebelum terlupo Berapo hantarannyo Berapo maskahwinnya?
Yang wajib kono didahulukan
Yang sunat dikemudiankan

Setelah pihak wakil lelaki mengucapkan janji adat iaitu komunikasi lisan perjanjian pertunangan, maka telah termaktublah perjanjian di satu pihak iaitu di pihak lelaki. Walau bagaimanapun, pihak wakil perempuan akan menyambut pengucapan janji adat dengan melafazkan pengucapan seperti berikut:

Kojo nan elok dicopekkan
Kojo nan buruk
diplambekkan Cincin
sebentok jadi pengikatan
Janji dibuek dimuliokan
Sampai janji ditopekkan
Melotak hargo bukan berorti menjual anak
Tak sobut mati omak
Disobut mati bapak Dah menjadi adatnyo Maskahwin adat wajib RM85.00
Hantaran RM3000
Serba satu
Kalau setuju kata setuju

4) ADAT PEMBATALAN PERTUNANGAN

Jika berlaku pelanggaran kepada salah satu perjanjian yang dilakukan, maka pertunangan itu akan dibatalkan. Pembatalan ini harus dilakukan secara rasmi. Jika lelaki yang ingin membatalkan, maka wakil yang menghantar tanda haruslah menemui kembali pihak perempuan dan menyatakan hasrat dan tujuan. Begitu jugalah sebaliknya. Semasa menemui pihak yang berkenaan, terutama sekali jika pihak perempuan haruslah membawa denda yang dikenakan mengikut perjanjian yang dibuat, iaitu:

Helah si lelaki loncor tanda,
Helah si perempuan ganda
tanda.

Maksud kata-kata di atas adalah, sekiranya lelaki ingin membatalkan pertunangan maka pihak perempuan tidak perlu memulangkan kembali hantaran yang diberi. Namun sekiranya pihak perempuan yang membatalkan pertunangan maka denda akan diberikan dengan nilai yang lebih daripada asal. Biasanya, dua kali ganda nilai asal.

5) PERKAHWINAN

Adat Perkahwinan adalah upacara kemuncak bagi kedua-dua pasangan pengantin yang disatukan, iaitu mereka disahkan menjadi suami-isteri mengikut hukum syarak dan saluran adat. Dalam Adat Perkahwinan seseorang lelaki akan melalui empat tahap proses adat iaitu tahap pertama bernikah, tahap kedua membatalkan air sembahyang, tahap ketiga adat persandingan dan tahap keempat adat menziarah. Keempat-empat tahap dalam proses Adat Perkahwinan ini dijalankan mengikut tertib adat dan mempunyai tata cara komunikasi tertentu iaitu komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan.

Komunikasi lisan adalah cara interaksi menggunakan pengucapan bahasa kiasan, pepatah-petitih, gurindam, seloka, pantun, syair dan lain-lain yang mempunyai pengertian tertentu dalam Adat Perkahwinan. Komunikasi bukan Lisan adalah perlakuan seseorang, alat-alat bunyian seperti rebana, kompang benda-benda yang memberi simbol makna kepada seseorang seperti tepak sirih, sirih junjung, keris, tengkolok, tepung tawar, bunga rampai, bunga telur dan lain-lain lagi.

Tepak sirih dan sirih junjung adalah simbol komunikasi bukan lisan yang mempunyai makna tersendiri sebagaimana dalam adat pertunangan. Begitu juga sebilah keris yang disisip ke sebelah rusuk kiri pengantin lelaki mempunyai komunikasi bukan lisan yang memberikan maksud keberanian dan kegagahan seseorang lelaki. Mengikut sejarah manusia, Hawa dijadikan daripada tulang rusuk Nabi Adam. Oleh itu, keris yang dipakai oleh pengantin lelaki adalah sebagai menggantikan tulang rusuk yang kurang itu. Ini bertujuan untuk memberikan kekuatan zahir dan batin.

Perbuatan seseorang merenjis 'tepong tawar' ketika kedua pengantin disandingkan diatas pelamin sebagai komunikasi bukan lisan yang dimaksudkan mereka merestui perkahwinan kedua-duanya. Mengikut kepercayaan masyarakat Melayu, merenjis daripada air tepung tawar itu akan membuang segala petala dan sial. Rasionalnya perbuatan merenjis tepung tawar adalah satu cara interaksi diantara si perenjis dengan kedua-dua pengantin untuk mengenali kaum kerabat kedua-dua belah pihak pengantin. Ketika seseorang itu merenjis kedua-dua pengantin, Mak Andam ataupun si pengapit salah seorang pengantin akan memperkenalkan si perenjis dengan pengantin. Kebiasaannya orang yang merenjis pengantin itu adalah kerabat terdekat dengan keluarga pengantin dan orang-orang kenamaan.

Ketika si pengantin lelaki menaiki tangga rumah si pengantin perempuan, dia tidak dibenarkan memijak anak tangga pertama sebaliknya hendaklah melangkah ke anak tangga ke tiga. Perbuatan ini adalah komunikasi bukan lisan yang bermaksud untuk mengelakkan percubaan seseorang menggunakan sihirnya bertujuan menyukarkan si pengantin lelaki melafazkan ijab dan kabul ketika majlis pernikahan dilakukan.

6) ADAT MEMBATALKAN AIR SEMBAHYANG

Adat membatalkan air sembahyang adalah satu upacara menyarungkan cincin oleh si suami kepada si isteri setelah selesai majlis akad nikah. Kebiasaannya, majlis ini diadakan di kamar pengantin perempuan yang disaksikan oleh kedua ibu bapa si pengantin lelaki dan pengantin perempuan. Perbuatan menyarungkan cincin ke jari manis isteri adalah komunikasi bukan lisan yang memberi pengertian bahawa si isteri sudah diberi satu tanda dan ikrar bahawa di saat itu ia sudah menjadi milik orang iaitu sebagai isteri yang mana telah terpisah daripada tanggungjawab ibu bapanya.

Kebiasaannya setelah si suami menyarungkan cincin ke jari manis isterinya, kemudian dia akan menghulurkan tangan untuk bersalaman dengan si isterinya dan si isteri akan mencium tangan suaminya sebagai komunikasi bukan lisan yang bermaksud menunjukkan kepatuhan dan ketaatan terhadap suaminya di dunia dan akhirat. Perbuatan menyarungkan cincin dan bersalaman itu adalah merupakan adat membatalkan air sembahyang.

7) ADAT PERSANDINGAN

Ketika pengantin lelaki berada di luar kawasan halaman rumah si pengantin perempuan, rebana dipalu untuk menggamatkan suasana ketika itu. Pengantin perempuan yang diapit oleh Mak Andam akan menjemput pengantin lelaki naik ke rumahnya. Apabila kedua mempelai menghampiri anak tangga rumah itu, beras kunyit ditabur di anak tangga. Perbuatan menaburkan beras kunyit adalah komunikasi bukan lisan yang bermaksud memberi laluan kesejahteraan kepada kedua-dua mempelai untuk merintis jalan kehidupan alam berumah tangga. Rombongan pengantin seterusnya mempersilakan naik seperti pengucapan tuan rumah:

Cik Minah membeli bunga
Bunga pandan bunga kasturi
Orang yang dinanti sudah tiba
Jemputlah naik wahai raja
sehari

Kayu aro tinggi sobatang
Dahan melambai ke pucuk putih
Apo pasal lambek datang
Kok kami memandang mato berputih

Compodak ditongah laman
Dijolok dengan sepasang
kaki Usahlah lamo togak di
laman Silo naik dan
basuhlah kaki.

Maksud rangkap pertama adalah tuan rumah menjemput pengantin lelaki untuk naik ke rumah. Mereka meraikan kedatangan pengantin lelaki setelah menunggu lama. Maksud rangkap kedua pula, mereka bertanya punca lambat tiba ke sana. Hal ini kerana, pihak perempuan khawatir sekiranya pihak lelaki tidak hadir ke majlis tersebut. Maksud rangkap tiga pula, pihak perempuan menjemput pihak lelaki untuk naik ke rumah. Sebelum itu, mereka di minta untuk membasuh kaki sebelum masuk. Adat membasuh kaki sebelum naik ke rumah adalah perkara biasa kepada masyarakat Melayu dahulu kala.

Setelah rombongan pengantin lelaki dipersilakan naik, mak Andam membawa kedua-dua mempelai itu ke pelamin yang telah disediakan di hadapan para hadirin. Ketika itu, kedua-dua pengantin diperlakukan seolah-olah mereka sebagai raja. Rombongan pengantin lelaki terus meletakkan hantaran yang dibawanya di hadapan pengantin sebagai persembahan. Wakil ataupun ketua pihak lelaki mengucapkan kata adat seperti:

Adat dunia balas
membalas syariat palu
memalu
seperti yang dijanjikan
hantaran adat pengikat
janji tiga ribu serba satu,
kata pepatah:
“sambil berdiang nasi masak
sambil berdendang biduk
hilir” muafakat kita
membawa berkat

Pengucapan kata-kata ini bermaksud, adat kehidupan di dunia ini tidak luput dengan balas-membalas iaitu budi baik dibalas dengan baik dan kejahatan yang diterima dibalas dengan kejahatan. Berikut ini adalah pengucapan kata-kata kiasan sebagai gurindam daripada masyarakat Melayu di Rembau ketika menyampaikan hantaran di majlis perkahwinan untuk pihak perempuan:

Selilit langkah sebuah pulau
Selimbang Tanah Melayu
Se- Alam Tanah Minangkabau
Untung sekali malam
berturut Untung tak boleh
ditageh Malam tak boleh
ditolakkan Untuk
melambung tinggi Malam
menimpo badan
Hidup dikandung
adat, Mati dikandung
tanah Maka
beruntonglah kito
Bersuku jauh pun ado
Mako jauh pun ado
Kok dekek dipandangkan
Yang dipinto,
Yang dihayat,
Didepan mato,
Tak suko,
tak sudi Dipecat jangan
Hantaran tiga ribu serbo satu
Itulah syarat, itulah janji,
Harap terimo dengan seikhlas hati

Setelah selesai pengucapan kata-kata sebagai komunikasi lisan dalam Adat Perkahwinan, maka pihak wakil pengantin perempuan mengambil wang hantaran digubah menjadi pelbagai bentuk mengikut daya kreativiti si penggubah, dan ada kalanya diletakkan di dalam sebuah album gambar supaya mudah dikira oleh wakil perempuan. Setelah wakil pihak pengantin perempuan puas hati jumlah wangnya seperti dijanjikan, maka hantaran itu dibawa masuk ke dalam kamar pengantin perempuan untuk disaksikan oleh pengantin sendiri.

Perbuatan membawa hantaran balas keluar daripada kamar pengantin merupakan komunikasi bukan lisan yang bermaksud segala perjanjian telah tercapai seperti “*Adat dunia balas membalas,*

syariat palu- memalu” dan juga *“Sandar-menyandar bagai aur dengan tebing, bagai tangguk dengan bingkainya”*. Apabila hantaran balas telah diletak di hadapan rombongan pihak pengantin lelaki, pihak pengantin perempuan akan mengucapkan:

Hantaran pengantin lelaki
diterima Tiada cacat tiada
kurangnya Sebagai adat balas
membalas Hantaran balas di
depan mata Semua yang ada
saksi yang nyata Anggaplah
hantaran balas Membuka kata,
mennyahut rasa
Dan pihak kami terima seluruh
jiwa Jangan malu dan jangan
sogan Saksikanlah bersamo-samo
Kok panjang dipendekkan
Kok pendek disambungkan
Kok berlobih untonglah
Kok kurang mintak dimaafkan
Ini hantaran balas Hantaran ikhlas Daripada si betino.

Setelah kedua-dua pihak selesai balas membalas hantaran, maka kedua yang sedang disandingkan itu direnjis dengan tepung tawar oleh kedua-dua kaum kerabat pengantin lelaki dan pengantin perempuan. Seperti yang telah dinyatakan diawal bab ini, perbuatan merenjis ‘tepung tawar’ adalah bertujuan untuk berkenalan mesra diantara pengantin dengan yang merenjis itu. Selain itu, ianya adalah komunikasi bukan lisan yang bermaksud, kedua-dua belah pihak pengantin lelaki dan perempuan merestui perkahwinan kedua-duanya.

Setelah itu, kedua-dua mempelai di bawa turun daripada rumah untuk dijamu hidangan pengantin. Para tetamu dan hadirin rombongan pengantin lelaki turut dipelawa ‘makan beradab’ iaitu istilah yang digunakan bermaksud santapan Diraja bersama pengantin. ‘Makan beradab’ adalah istilah yang menjadi komunikasi lisan yang memberi makna bahawa segala pekerjaan telah selesai diantara kedua belah pihak yang mana telah selamat melangsungkan perkahwinan yang mengikut hukum syarak dan tuntutan adat.

Alat-alat bunyian seperti rebana, kompang, gendang, gong dan lain-lain boleh memberi kesan bunyi untuk memeriahkan suasana majlis perkahwinan yang mana alat-alat tersebut digolongkan sebagai komunikasi bukan lisan. Apabila seseorang mendengar paluan rebana, ia dapat membuat tafsiran bahawa ketika itu ada majlis perkahwinan ataupun majlis yang membabitkan adat dijalankan. Ini menunjukkan bahawa alat-alat bunyian itu memainkan peranan menyampaikan mesej tertentu kepada masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Semasa kajian ini dilakukan, alat-alat bunyian itu masih digunakan dalam majlis perkahwinan dan juga majlis-majlis sosial yang lain.

Begitu juga bau-bauan seperti bunga rampai, daun-daun mandian adalah komunikasi bukan lisan yang memberikan pengertian untuk upacara tertentu. Justeru itu, dalam majlis perkahwinan bunga-bunga dan bau-bauan digunakan sebagai menyerikan dan menyegarkan suasana di majlis itu. Walau bagaimanapun, semua benda-benda itu digunakan dimajlis perkahwinan mempunyai pengertian dan fungsi tertentu.

Faktor geografi, kawasan dan daerah tidak dapat memisahkan cara pelaksanaan adat istiadatnya kerana masyarakat Melayu di kedua-dua kawasan kajian adalah daripada satu rumpun bangsa dan agama sebagaimana *“Adat di atas tumbuh, pusaka di atas tempat, adat negeri memagar negeri, adat berkampung memagar kampung, adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah”*.

Sesungguhnya, pepatah-petitih perbilang adat ini merupakan satu ciri penting dalam kehidupan masyarakat Melayu sebagai sandaran dan pedoman yang mana digandingkan dengan ajaran agama

Islam. Bahasa komunikasi yang diamalkan sejak di zaman lampau sehingga kertas-kerja ini dihasilkan tidak banyak berubah. Jika perubahan berlaku, cuma dari segi sebutan dan pengucapan sahaja yang mengikut arus perdana.

Dalam adat merisik ini, perkara utama yang dilihat ialah bakal menantunya. Perkara yang paling penting yang perlu diselidik terhadap bakal menantunya ialah dari segi keturunannya, hartanya, pengetahuan, paras rupa dan budi pekerti. Jika pihak lelaki telah berkenan dengan calon isterinya maka pihak lelaki perlu meminta persetujuan daripada ibu bapa pihak perempuan kerana anak gadis mereka masih lagi di bawah tanggungjawab mereka. Contohnya, dapat dilihat melalui ungkapan teromba di bawah :

Duai nan merangkak Risik nan diuca-uca
Risik dan diandai- andai
Cincin tanya Menghantar tanda
Ia adat pinang- meminang
Hari berlangsung Jua hari berolek
Menikam jejak
Disebut jua tempuh jejak
Atau menurut jejak
Nang lelaki tunjuk- tunjukkan
Nang perempuan iras- iraskan
Kecil sudahlah besar
Merantau pula parang putting
Terlayu pula rumput nan sehelai Maka terkena pula
utang mak bapak Nang lelaki disemendakan orang
Nang perempuan disemendakan dek orang
Nang jauh dilalu- lalukan
Nang dekat ditinjau-
tinjaukan Kok nampak Kok
berjumpa Pertama keturunan
Kedua harta, pengetahuan
Ketiga paras, budi pekerti
Cacat cida luar janji
Gila dan sawan pun luar janji
Kata adat
Kalau nak menimang anaknya
Pinang dulu maknanya
Rimbun pokok untuk berteduh
Tinggi banir untuk berlindung
Nakkan solok- menyolok
Nakkan menyambung tali yang putus
Nakkan jauhnya diperdekat
Paras itulah kata

Dalam petikan teromba di bawah, ianya menceritakan tentang kehadiran Buapak dan saudara mara sudah menanti di rumah pihak perempuan. Seterusnya, utusan membawa cincin itu pun mengadap Buapak yang menanti itu dengan menyorongkan bujamnya sambil berkata menerusi ungkapan teromba di bawah ini dan menyerahkan 'puan' yang berisi cincin. Contohnya adalah seperti di bawah:

Kami ini umur setahun jagung
Kok darah belum setampuk pinang
Kok akar belum selilit telunjuk

Maka kedatangan kami ini
Dek hari nan sehari ini
Kok malam nang semalam ini
Biar kami berkata ringkas ringkas
Kok dibentangkan
lebar Kok ditarikkan
panjang Ibarat kata
Singkap daun ambil buahnya
Kupik kulit ambil isinya
Kata orang
Bila mengadakan anak
Kok lelaki serahkan mengaji
Kok perempuan serahkan menjahit
Kok mengaji dah khatam
Dibuat kenduri mana yang
patut Jika ada duit besar
kendurinya Jika kurang
sederhana sahaja Kok menjahit
dah pandai
Dapat bantal sebuah
Lepaslah menjahit- jahit baju sendiri
Serta baju keluarganya
Setelah itu diserukan apula untungnya
Diserukan pula tuahnya
Dek anak lelaki itu dicari- carikan
Dek anak perempuan dinanti- nantikan
Kemudian daripada itu
Adat risik nan mendesus
Duai nan merangkak dekat rumah dekat kampung
Gamit nan berkecapi
Kilat nan memancar
Maka dipertanda terima cincin sebetuk
Itu penanya emak bapa Cincin dua bentuk Tanda seia skala
Jadi inilah
Kok sezaman nan terbuka
Kok selingkung pulau perca
Kok selembang Tanah
Melayu
Kok sebongkah tanah nan terbalik
Kok sehelai akar nan bertetas
Kok sehelai daun nan bertandan
Serantau ke hulu
Serantau ke hilir
Terpandanglah sawah nan berlopak
Kampung nan bersudut
Pinang nan berjajar
Dan di sana ternampaklah
Seekor burung permainan
Dek itu pada hari nang sehari ini
Dilapiklah risik desusnya
Inilah diserahkan cincin sebetuk

Cincin tanya
Oso sekata kata dikembalikan
Tak oso sekata cincin dikembalikan

Melalui adat merisik di atas, apabila cincin pinang telah diterima oleh pihak perempuan, namun begitu upacara belum selesai lagi. Wakil pihak lelaki akan ternanti – nanti apabila peminangan telah dijawab dengan sempurna. Pada hari itu juga, pihak lelaki juga akan mengungkapkan penggunaan teromba seperti di bawah:

Buah beluluk jatuh ke lembah
Tenggelam ada tersangkut pun ada
Kepada Datuk disembahkan sembah
Menghitam memutihkan di budi
bicara

Beginilah saja kat semua orang nan ada
Hujan dah teduh
Kabus dah terang
Hari pun dah beransur petang

Orang bukan pergi kerasa
Sampai dirasa mencari teromba
Makanan dihidang dah kami
rasa Tegal air hilanglah rasa

Jadi
Datang kami dek hajat
Membawa sebentuk cincin tanya
Menanya emak dan bapa
Jadi, bak kata orang tua- tua
Pergi membawa tanda
Balik hendak membawa kata
Dek yang menunggu taklah tertanya- tanya
Dek yang menanti taklah ternanti- nanti

Melalui teromba di atas membawa maksud bahawa pihak lelaki inginkan jawapan yang segera daripada pihak perempuan. Jawapan tersebut sedikit sebanyak dapat menenangkan perasaan pihak lelaki yang mahukan jawapan yang dapat mengembirakan hati pihak lelaki. Selepas itu, wakil perempuan akan menjawab kata- kata teromba tersebut. Kata- kata teromba tersebut seboleh- bolehnya dapat memuaskan hati bagi pihak lelaki. Janji juga akan dibuat melalui kata- kata teromba di bawah. Sebagai contoh adalah seperti di bawah:

Oh ya
Beginilah pendeknya
Dek urat nan
merangkak Menegor
menyapa Menanya nak

bapak Pertaruhlah dua
tiga hari Akan diberi
kata
Nan jauh dijemputkan Nan
dekat dikampungkan
Segala tempat semenda
Segala buapak yang
beradat Oleh orang
semenda
Supaya duduk seperderet
Nan dikeluarkanlah
Urat nan merangkak
Kilat nan mamancar
Kepada tempat semenda dan orang beradat
Serta buapak
Oso sekata diterima kata dikembalikan
Tak ososekata tanda di kembalikan
Dah berjanjilah kita bersama
Cepat janji tiga hari
Lewat janji tujuh hari
Lain janji dua kali tujuh hari
Sekaki payung bertangkai suluh
Buat pelindung panas dan hujan
Bersamalah menyusun jari
sepuluh Memohon restu kepada
Tuhan

Melalui teromba di atas, membawa maksud bahawa pihak lelaki inginkan jawapan daripada pihak perempuan dengan kadar yang segera. Biasanya tempoh untuk mendapatkan jawapan daripada pihak perempuan adalah tiga hari hingga tujuh hari. Jika janji yang lain pula akan diberi jawapan dalam masa empat belas hari. Selalunya pihak perempuan dengan usaha orang semenda akan mengumumkan kepada semua orang yang patut berkenaan membincangkan tentang hal peminangan tadi. Orang yang telah dijemput dalam membincangkan hal ini ialah i Buapak, tempat menda dan lain- lain lagi. Pada kebiasaannya mereka akan duduk bersama- sama untuk mencari kata putus atau muafakat.

Namun begitu, tidak semua adat meminang dipersetujui. Adakalanya jika calon suami perempuan tersebut didapati tidak menepati syarat serta tidak sesuai oleh pihak perempuan, maka cincin tanya yang dihantar haruslah ditolak. Perkahwinan adalah perkongsian hidup seumur hidup dan tiada istilah paksaan untuk menerima calon lelaki untuk pihak perempuan. Masyarakat Melayu khususnya yang mengamalkan adat Perpatih di Negeri Sembilan menggunakan bahasa teromba yang halus, puitis dan merendah diri agar tidak menyinggung perasaan terhadap pihak lelaki. Contoh kata – kata teromba tersebut adalah seperti di bawah:

Beginilah semuanya
Sakit bermula mati
bersebab Hujan berpokok
kata berasal Sampai janji
oleh ditepati
Janji yang kita buat itu dahkah dimanfaatkan
Tapi kata orang
Rezeki, maut, tanah terbaris, jodoh pertemuan

Semuanya di tangan Tuhan
Jadi semua yang ada di sini
Nampaknya jodoh anak ini belumlah ada *lagi*

Asam di darat ikan di laut pun bertemu
Inikan pula kita
Dekat rumah dekat kampung
Sehalaman sepermainan
Seperigi sepermainan
Sejamban seperulangan
Bukan apa sebabnya
Ibunya mengatakan anaknya masih kecil
Menyapu hingus belum reti
Mengikat tali belum faham
Masak belum pandai
Lagipun doa itu dalam niat
Tengoklah lepas niat nanti
Jadi, inilah kami datang ini
Membawa salam dan sembah
Membawa salam dan sembah
Orang seadat seresam kami
Meminta maaf
Dari hujung rambut hingga ke hujung kaki
Maka semua yang ada pada hari ini
Ini kami kembalikan tanda dulu
Harap terimalah semuanya.

Melalui teromba di atas, begitu puitis dan terlalu merendah diri jawapan teromba yang diberikan oleh pihak perempuan terhadap pihak lelaki. Kata- kata teromba di atas yang menolak hasrat daripada pihak lelaki. Melalui teromba ini, apabila cincin dipulangkan dan perlu memberi sebab- sebabnya. Antara sebab- sebab yang diutarakan ialah pihak perempuan sebenarnya belum bersedia untuk berkahwin lagi. Perkahwinan memerlukan komitmen yang penuh daripada kedua- dua pihak dan memerlukan persediaan yang lengkap. Jika tiada persediaan dalam diri, mudharat akan menimpa kepada kedua- dua pasangan. Kata – kata maaf harus dipinta kepada pihak lelaki supaya tiada di antara mereka yang terguris hati atau tiada yang berkecil hati atas penolakan tersebut.

Teromba juga digunakan dalam adat istiadat perkahwinan. Setelah kedua- dua pihak menetapkan hari untuk perkahwinan, maka akan berlangsungnya hari perkahwinan. Datuk- Datuk Lembaga dan keluarga diraja akan dijemput jika keluarga mempelai berkemampuan. Tetapi jika tidak berkemampuan, maka perkahwinan akan dibuat dalam keadaan sederhana sahaja. Pada dasarnya, upacara perkahwinan adalah menjemput pengantin lelaki dan seterusnya akan diadakan upacara menikah. Adat menjemput perlu dilakukan. Tetapi, jika tiada orang menjemput, maka pihak lelaki tidak boleh datang untuk menikah. Pada kebiasaannya, orang yang akan disuruh pergi menjemput pengantin lelaki ialah orang semenda yang mahir tentang adat.

Teromba merupakan puisi Melayu yang mempunyai pelbagai fungsi, tidak hanya menjadi wahana yang menyangkut perasaan rindu kasih anak-anak muda dan menyampaikannya kepada kekasih sahaja (Klingkert dlm. Muhammad Ariff Ahmad, 2004). Namun, pantun digunakan meluas dalam pelbagai majlis, seperti majlis rasmi, majlis perkahwinan, dan sebagainya. Hal ini demikian kerana, pantun berfungsi untuk semua lapisan peringkat manusia, tidak kira kanak-kanak, anak muda, orang dewasa, orang tua, lelaki, mahupun wanita dan pantun juga berlaku dalam segala lapangan hidup, seperti dalam kalangan petani, nelayan, usahawan, pendidik dan orang awam yang menggunakan bahasa Melayu. Malahan, jika diperhatikan kehidupan di zaman purba juga, ada menggunakan teromba,

walaupun ketika berperang dan berkelahi. Jelaslah menunjukkan kepelbagaian dalam penggunaan teromba dalam kalangan masyarakat.

Namun, apabila status ekonomi anggota masyarakat Melayu semakin meningkat, adat istiadat dan gaya pengurusan majlis-majlis merisik, pertunangan, pernikahan dan persandingan Melayu mengalami pelbagai perubahan. Banyak amalan dalam majlis-majlis seperti itu adalah fenomena baru dalam budaya Melayu. Sebahagian daripada pembaharuan itu diterima baik oleh para tetamu undangan, manakala ada juga unsur-unsur pembaharuan yang tidak diterima baik. Antara unsur pembaharuan yang kini dapat kita saksikan, ialah terdapat unsur-unsur yang semakin selaras dengan Islam, manakala pada waktu yang sama, terdapat unsur-unsur pembaharuan yang ditiru daripada adat kebiasaan masyarakat Kristian, Hindu dan sebagainya. Misalnya, pakaian gaun dan kot yang dipakai semasa persandingan merupakan budaya daripada masyarakat Kristian, malahan ada juga pengantin yang mengenakan pakaian tersebut semasa upacara akad nikah (Abdullah Hassan, Aripin Said & Ainon Mohd, 2005:xi).

Justeru, kita sebagai masyarakat Melayu yang kaya dengan adat dan budaya haruslah menjaga warisan tinggalan nenek moyang ini supaya tidak pupus ditelan dek zaman. Dalam usaha untuk memelihara tinggalan ini, semua pihak harus memainkan peranan, tidak kira pihak kerajaan mahupun swasta, tua mahupun muda dan media cetak mahupun media elektronik. Contohnya, dalam media elektronik, pihak kerajaan telah menayangkan satu drama yang bertajuk “Osman Baku” yang berkisarkan tentang budaya Melayu, termasuklah budaya pantun. Hal ini demikian sedikit sebanyak telah memperkenalkan budaya pantun dalam masyarakat Melayu.

KESIMPULAN

Oleh hal yang demikian, peranan teromba dapat dilihat meluas penggunaannya dalam kehidupan masyarakat di Negeri Sembilan khususnya dalam masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih. Adat Perpatih yang digunakan dalam teromba dapat menyelamatkan manusia daripada dan dapat membawa kepada kehidupan yang lebih indah dan harmoni. Daripada keseluruhan ungkapan teromba dapat digolongkan sebagai teromba yang memperlihatkan kepelbagaian cara hidup dan persekitaran masyarakat yang mencipta dan menggunakan teromba ini.

Terdapat juga teromba yang cenderung ke arah pengajaran, iaitu maksud mengajar dan mengingatkan anggota- anggota masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan. Namun begitu, tidak ketinggalan juga teromba yang mementingkan sikap masyarakat terhadap sesuatu aspek hidup. Teromba juga bukan sahaja sebagai pengucapan tetapi dijadikan pegangan dan diamalkan dalam kehidupan sehari-hari.

Melalui penggunaan teromba ini, menceritakan tentang adat dan istiadat dalam meminang, perkahwinan, berkedim dan tanah yang mana menceritakan secara keseluruhan tentang Adat dan budaya masyarakat Adat Perpatih. Tambahan pula, kata-kata teromba yang digunakan sungguh puitis dan penuh adat merendah diri dalam menyampaikan sesuatu maksud. Penggunaan teromba harus dikekalkan peranannya dalam masyarakat Melayu di Negeri Sembilan khususnya supaya dapat di kembangkan kepada generasi akan datang dan tidak luput di telan zaman.

Rujukan

- Abdul Latiff Abu Bakar & Mohd. Rosli Saludin (2004). *Pantun dan Ungkapan Indah Adat Perkahwinan Melayu*. Melaka: Institut Seni Malaysia Melaka.
- Abdul Latif Abu Bakar dan Hanipah Hussin, (2004). *Kepimpinan Adat Perkahwinan Melayu Melaka*. Melaka: Institut Seni Malaysia Melaka.
- Abdullah Hassan, Aripin Said & Ainon Mohd. (2009). *Pantun dan Gurindam untuk Majlis Rasmi dan Perkahwinan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.
- Amran Kasimin, (2002). *Perkahwinan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Harun Mat Piah (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah (2001). *Pantun Melayu: Bingkisan Permata*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mohd Rosli Saludin. 2010. *Teromba Sebagai Wahana Komunikasi Adat Melayu Tradisional*. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Mohd Rosli Saludin. 2009. *Teromba dalam Puisi Melayu Tradisional*. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Mohd Rosli Saludin (2007). *Puisi Melayu Tradisional*. Pulau Pinang: Goal Intelligent Publishing Sdn. Bhd.
- Muhammad Ariff Ahmad (2004). *Mari Kita Berpantun: Suatu Petunjuk*. Singapura: Majlis Bahasa Melayu Singapura.
- Muhammad Haji Salleh (2012). *Bila Terkenang Zaman Dahulu Pantun*. Pulau Pinang. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Norhalim Haji Ibrahim, (1996). *Perkahwinan Adat Di Negeri Sembilan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Rosli Saludin, (2001). *Seri Menanti Tanah Beradat Bermula Di Sini*. Selangor: Crescent News (K.L.) SDN. BHD.
- Zainal Abidin Bakar (1991). *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zalila Sharif & Jamilah Hj. Ahmad (1993). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka